



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 19 SEPTEMBER 2023

- 1. 'RICE SUPPLY ISSUES TO BE RESOLVED SOON' – THE STAR**
- 2. GOVT MOVES TO ENSURE ENOUGH LOCAL WHITE RICE – THE STAR**
- 3. 'BEKALAN BERAS KURANG KERANA BELIAN PANIK' – SINAR HARIAN**
- 4. SHAHIDAN GESA KERAJAAN FOKUS TANGANI HARGA BERAS – SINAR HARIAN**
- 5. JUMPA MENTERI INDIA CARI PENYELESAIAN ISU SEKATAN EKSPORT BERAS – BERITA HARIAN**
- 6. PROGRAM JUALAN RAHMAH BERAS HARI INI – BERITA HARIAN**
- 7. KEKURANGAN BERAS TEMPATAN DI PASARAN DISEBABKAN BERLAKU PEMBELIAN PANIK! – HARIAN METRO**
- 8. 'TUNJUK IC SEBELUM BELI BERAS SUBSIDI' – HARIAN METRO**
- 9. GOLONGAN B40 TERUS DIHIMPIT KOS HIDUP TINGGI – HARIAN METRO**
- 10. 'APUNGKAN HARGA KAEDAH TERBAIK' – HARIAN METRO**
- 11. USAH BENAR WARGA ASING BELI BERAS TEMPATAN – HARIAN METRO**
- 12. STOK BERAS SEJUTA TAN, CUKUP 5 BULAN – UTUSAN MALAYSIA**
- 13. STOK BERAS CUKUP, TAMPUNG KEPERLUAN SEHINGGA 5 BULAN – KOSMO**
- 14. MAT SABU: TALKS WITH INDIA SOON ON RICE IMPORTS – NEW STRAIT TIMES**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

'Rice supply issues to be resolved soon'

Mat Sabu: We have enough supply for five months

RICE supply issues are expected to be resolved in a month's time, says Datuk Seri Mohamad Sabu, while dismissing calls to ban foreigners from buying local varieties of the daily staple.

The Agriculture and Food Security Minister added that the country has enough rice for up to five months and that the government has launched a programme to increase stockpiles of locally-produced white rice (BPT) by 20%.

"Foreigners must eat too. Don't forget that they are also working to help build our country. There are no plans for this as of now," he told the Dewan Rakyat in his winding up speech during debates on the 12th Malaysia Plan mid-term review (12MP MTR) yesterday.

Mohamad was responding to a question by Wan Ahmad Fayshal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) on whether the government intended to restrict the sale of BPT to foreigners.

This followed a similar suggestion from Melaka rural development, agriculture and food security committee chairman Dr Akmal Saleh who said the needs of the locals must be prioritised.

These calls were made after complaints emerged nationwide of shortages of BPT due to increased demand after prices for imported rice had gone up. BPT prices are controlled by the government, while imported varieties are not.

Mohamad said the current rice stockpile stood at 900,000 million metric tonnes.

"This comprises 250,000 million metric tonnes of government stockpiles and 650,000 metric



Grain matter: Mohamad speaking on the issue of rice supply at the Dewan Rakyat in Kuala Lumpur. — Bernama

tonnes of commercial stock. This is enough for the next four to five months."

The ministry believes there is no pressing need to use the government's rice stockpile yet, he added, saying that supplies were expected to recover in a month's time.

Among the measures taken to increase supplies is a programme with millers and suppliers to increase stockpiles by 20% to 23,000 metric tonnes a month for a period of one year.

He added that the Muda Agricultural Development Authority (Mada) has also started harvesting more padi, he said.

"They have harvested 20% more padi so there will be more local rice in one or two months," he said.

Mohamad said the ministry would meet with the Indian government to find a solution for imported rice supplies, after India stopped exports.

"Padiberas Nasional Bhd (Bernas) will also be having dis-

cussions with other source countries such as Vietnam, Thailand and Cambodia," he said.

Mohamad also told Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) that Bernas would continue to be the country's sole importer of rice after its concession was extended for another 10 years by former prime minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"We can discuss this suggestion with the Prime Minister and Economy Minister," Mohamad said of Sim's suggestion to review the arrangement with Bernas.

"We will discuss this among the leadership on what actions we can take," he said.

Separately, Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh brushed aside allegations by Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz (PN-Tanah Merah) that subsidised sugar was being repackaged and sold at commercial prices.

"It's not the same type of sugar. They can't just repackage it as we monitor the supply," she said.

KERATAN AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Govt moves to ensure enough local white rice

PETALING JAYA: A maximum purchase limit and an increase in production are among the moves taken by the government to address the shortage of locally produced white rice.

The Agriculture and Food Security Ministry (KPKM) said it has held engagement sessions with industry players such as manufacturers, wholesalers, retailers, as well as food operators and food entrepreneurs.

"Under the local white rice special programme, rice manufacturers have agreed to increase production by 20%, totalling 23,000 tonnes per month – or 2.3 million 10kg bags – that will be distributed in phases.

"Both the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) and Farmers' Organisation Authority (LPP) will be selling local rice at their outlets by this month," it said.

For a start, Fama will receive 400 tonnes of local white rice to be distributed to 416 outlets, while LPP will distribute 300 tonnes to 40 farmer outlets.

According to the ministry, the shortage is not only due to panic buying but also the result of a domino effect caused by India's suspension of rice exports and the depreciation of the ringgit.

"This has led to an increase in the world's imported rice prices from US\$400 per tonne to US\$620 per tonne."

The government had to implement a price adjustment on Sept 1 to cushion the impact of this rise.

Padiberas Nasional Bhd (Bernas) announced a price hike for all imported white rice – from RM2,350 to RM3,200 per tonne as of Sept 1. KPKM said if Bernas had not done that, it would be making losses of RM80mil per month.

"Consumers tend to buy local white rice that is cheaper because its price is controlled by the government at RM2.60 kg.

"Malaysia currently has the cheapest locally produced white rice in the South-East Asian region," Bernas said.

The government is also striving to ensure the country's local rice supply reaches a 100% self-sufficiency level (SSL), with various programmes.

Meanwhile, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP), under Ops Jamin, has been monitoring the supply chain to ensure there is enough locally produced rice.

"Our enforcement officers monitor and remind all mills, wholesalers and retailers that they should not manipulate sales of the locally produced white rice.

"The rice should not be labelled

as imported white rice and sold at higher prices. Such an action will be severely dealt with," said the ministry's enforcement unit deputy director of operations Shamsul Nizam Khalil.

"We will not tolerate such profiteering," he said.

KPDNHEP secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof said his ministry's role is to monitor the supply chain and prices.

"All cases (with regard to rice supply and sale) will be referred to KPKM unless it falls under our jurisdiction. Our officers have been on the ground every day, visiting all premises to ensure there is no profiteering or hoarding," said Azman.

FOR MORE:

See page 7

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

'Bekalan beras kurang kerana belian panik'

Kerajaan juga tak sekat warga asing beli beras tempatan, kata Mat Sabu

Oleh **RAIHAM MOHD SANUSI**
KUALA LUMPUR

Dewan Rakyat pada Isnin diberitahu bahawa kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran terjadi kerana berlaku pembelian panik oleh pengguna dan peniaga.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, apabila beras import naik harga, permintaan terhadap beras putih tempatan melonjak.

"Bila berlaku kenaikan harga beras import begitu tinggi, yang selalu beli beras import berubah (pembelian) ke beras tempatan menyebabkan berlaku kekurangan (bekalan di pasaran).

"Sebelum ini beras tempatan tidak dipedulikan sangat termasuk oleh para peniaga," katanya pada sesi penggulungan perbahasan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di

Dewan Rakyat.

Mohamad bagaimanapun memaklumkan kerajaan belum memutuskan untuk melarang warga asing daripada membeli beras tempatan.

"Warga asing pun perlu makan, jangan lupa mereka bekerja dan berkhidmat untuk membangunkan negara kita," ujarnya.

Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang)

sebelum itu mencelah dan meminta Mohamad menyatakan keputusan kerajaan terhadap cadangan larangan pembelian beras tempatan kepada warga asing.

Mohamad menegaskan, beliau yakin langkah intervensi yang dilakukan dalam isu kekurangan beras tempatan itu termasuk pelaksanaan Operasi Beras Putih Tempatan akan dapat menangani masalah tersebut.

Dari segi stok bekalan beras negara, menurutnya, sehingga kini stok bekalan beras negara adalah sebanyak 900,000 tan metrik membabitkan 250,000 tan metrik simpanan stok dan 650,000 tan metrik stok dagangan.

"Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan beras negara bagi tempoh empat hingga lima bulan.

"Sehubungan itu kementerian berpandangan bahawa masih belum terdapat keperluan mendesak yang bersifat kece-



Stok bekalan beras negara kini adalah sebanyak 900,000 tan metrik.

masan untuk menggunakan simpanan stok yang berjumlah 250,000 tan metrik," jelasnya.

Katanya, stok dagangan sedia ada sebanyak 650,000 tan metrik adalah mencukupi bagi menampung keperluan domestik.

Sementara itu, **Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh** berkata, kerajaan akan melancarkan Jualan Rahmah Beras dalam masa terdekat untuk membantu meringankan beban rakyat.

Kata beliau di Dewan Rakyat,



MOHAMAD

melalui program itu pengguna boleh mendapatkan beras pada harga subsidi, menerusi peruntukan RM150 juta yang telah diluluskan di Parlimen.

"Beras merupakan barang kawalan yang KPND tiada kuasa untuk mengawal harganya.

Akan tetapi apabila hari-hari kita mendengar rintihan rakyat, maka KPND cuba mencari jalan bagaimana dalam ruang lingkup KPND kita boleh selesaikan isu kenaikan harga beras import dan ketiadaan beras tempatan seperti yang didakwa," katanya.



KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Shahidan gesa kerajaan fokus tangani harga beras

KUALA LUMPUR - Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri Shahidan Kassim menggesa kerajaan memberi fokus menangani kenaikan harga beras dan barang-barang lain yang menghimpit rakyat ketika ini.

Menurutnya, kenaikan harga beras, cili kering, bawang merah dan bawang putih sekarang amat membimbangkan dan tegasnya, isu tersebut harus dibawa dan dibahaskan di Parlimen.

"Tinjauan di Tampoi dan Masai menunjukkan kenaikan 30 sehingga 40 peratus. Ini mendatangkan kesan yang hebat kepada negara. Beras tempatan tidak ada di Johor.

"Di Kedah saya sempat suruh kawan-kawan saya beli sekampit (beras). Harganya tiga minggu lepas ialah RM23, sekarang RM35 (dan) ini adalah beras tempatan," katanya pada Sidang Khas Dewan Rakyat pada Isnin.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ramli Md Nor kemudiannya mengambil maklum usul itu dan turut membacakan surat jawapan daripada Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul.

Ramli memberitahu, Johari telah meneliti usul dibawa oleh Shahidan itu dan memutuskan untuk menolaknya.

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Bekalan beras negara mencukupi, tiada keperluan guna stok penimbal

Oleh Farah Marshita Abdul Patah farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia mempunyai stok bekalan beras sebanyak 900,000 tan iaitu 250,000 tan stok penimbal dan 650,000 tan bagi stok dagangan yang mencukupi bagi menampung keperluan beras negara bagi tempoh empat hingga lima bulan.

Susulan itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pihaknya berpandangan masih belum ada keperluan mendesak yang bersifat kecemasan untuk menggunakan stok penimbal beras kerana stok dagangan sedia ada sebanyak 650,000 tan itu masih mencukupi bagi menampung keperluan domestik.

Beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kini giat melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi negara supaya mencapai sasaran Kadar Sara Diri (SSR) beras iaitu sebanyak 80 peratus menjelang 2030.

Nasional 9

Jumpa menteri India cari penyelesaian isu sekatan eksport beras

Dari Mula 1

Katanya, antara inisiatif dilakukan adalah pelaksanaan program SMART Sawah Berkala Besar (SMART SBB) yang diperluaskan dengan menyasarkan pelaksanaan program di kawasan seluas 100,000 hektar sawah padi dengan purata pengeluaran hasil sebanyak tujuh tan bagi setiap hektar.

"Program ini dilaksanakan berdasarkan kepada empat model iaitu model SMART SBB Padi Putih, SMART SBB Padi Wangi, SMART SBB Asnaf dan SMART SBB Mini Sekinehan.

"Program ini tidak mengugutkan sebarang peruntukan tambahan daripada kerajaan, malah syarikat peneraju yang terbabit akan menanggung kos pelaksanaan operasi sehingga RM3,200 per hektar," katanya ketika mengulung perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi kementeriaannya di Dewan Rakyat, semalam.

Sementara itu, Mohamad berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Kebajikan Petani India bagi mencari penyelesaian terbaik dalam isu sekatan eksport.

Katanya, perkara itu sedang diusahakan KPKM untuk berunding bersama Kerajaan India pada masa ini.

"Saya selaku menteri yang bertanggungjawab dalam isu ini akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Kebajikan Petani Negara India dalam masa terdekat.

"Selain itu, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) turut terbabit dalam perundingan bersama negara sumber beras yang lain seperti Vietnam, Thailand dan Kemboja," katanya.

Menjawab ceļahan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) sama ada kerajaan akan membuka kuota import kepada syarikat lain untuk mewujudkan kestabilan memandangkan BERNAS dikatakan gagal menjalankan tugas untuk mengimport beras secukupnya, Mohamad berkata, konsesi BERNAS dilanjutkan selama 10 tahun lagi oleh bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Oleh itu, sebarang rombakan perlu melihat kepada perjanjian itu dan kita boleh berbincang dengan Perdana Menteri serta Menteri Ekonomi jika nak buat perubahan berkenaan.

"Hal ini demikian kerana perjanjian itu selama 10 tahun antara pihak kerajaan dengan BERNAS," katanya.

Subsidi silang

Bagaimanapun, Mohamad berkata, isu BERNAS sebagai *single gatekeeper*, model penswastan BERNAS adalah bersifat subsidi silang, iaitu keuntungan import akan diguna pakai untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab diberikan kerajaan.

Katanya, sehingga kini, KPKM berpandangan BERNAS melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik.

"Ini terbukti apabila bekalan beras negara tidak terputus ketika pandemik COVID-19 melanda dunia pada 2020.

"Jadi, KPKM meyakini dasar pengimport utama beras yang sedang dilaksanakan ketika ini adalah knedah terbaik dalam menangani cabaran semasa dan mendatang," katanya.

Sementara itu, Mohamad, berkata penyertaan belia dalam sektor pertanian masih rendah, iaitu merangkumi 37 peratus daripada komposisi tenaga buhuh pertanian.



Mohamad pada sesi penggulungan perbahasan usul Kajian Separuh Penggal RMK12 di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Program Jualan Rahmah Beras hari ini

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menganjurkan program Jualan Rahmah Beras hari ini bagi membantu rakyat yang kini terbeban dengan kenaikan harga makanan berkenaan.

Timbalan Menteri, Fuziah Salleh, berkata program Jualan Rahmah Beras diadakan dengan harga diskaun.

"Tunggu esok (hari ini), kita lancar Jualan Rahmah Beras.

"Rakyat akan dapat beras dengan harga diskaun subsidi

oleh kerajaan di bawah KPDN," katanya ketika menggulung perbahasan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, pihaknya juga akan mengumumkan mekanisme berkaitan program itu nanti.

"Sebenarnya berkenaan kawal selia padi dan beras, kita semua tahu ia berada di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) daripada A sampai Z.

"Beras adalah barang kawalan, KPDN tidak ada punca kuasa untuk mengawalinya, harga pun kita tidak ada kuasa (untuk kawal), tetapi setiap hari kita mendengar rintihan rakyat, ada yang merayu. Saya juga mendengar rintihan ahli Parlimen yang mewakili rakyat.

"Jadi, KPDN cuba mencari jalan bagaimana dalam ruang lingkup bidang kuasa kita boleh menyelesaikan isu kenaikan harga beras import dan ketiadaan beras tempatan," katanya.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

KEKURANGAN BERAS TEMPATAN DI PASARAN

Disebabkan berlaku pembelian panik!

Oleh Sudirman Mohd Tahir, Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid, Aqil Sharullizam, Lydia Saiful, Suhaila Khairie dan Minda Ranggong
am@hmetro.com.my


Kuala Lumpur

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan masalah kekurangan beras putih tempatan di pasaran disebabkan berlaku pembelian panik.

Mohamad berkata, sebelum ini beras putih tempatan tidak dipedulikan termasuk oleh peniaga.

"Sebelum ini, beras tempatan tidak dipedulikan sangat termasuk oleh peniaga, tetapi apabila harga beras import naik, mereka mencari beras tempatan.

"Maka beras tempatan menjadi permintaan utama yang menyebabkan berlakunya sedikit kekurangan di pasaran," katanya ketika mengulung perbahasan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat, semalam.



MOHAMAD ketika mengulung perbahasan KSP RMK12 di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad turut memaklumkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) sedang memuai padi dan sudah mencapai lebih 20 peratus.

"Sekarang juga di Mada, padi sedang dituai. Sudah lebih 20 peratus dan beras tempatan akan berada di pasaran dengan

lebih banyak dalam masa sebulan dua ini," katanya.

Mohamad juga memaklumkan jumlah keperluan beras negara masih mencukupi untuk menampung keperluan beras negara bagi tempoh empat hingga lima bulan.

"Berkecenderungan

stok beras negara, sehingga kini stok bekalan beras adalah sebanyak 900,000 tan metrik yang terdiri daripada 250,000 tan metrik simpanan stok kerajaan dan 650,000 tan

metrik stok dagangan. Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan beras negara bagi tempoh empat hingga lima bulan.

"Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berpandangan bahawa masih belum terdapat keperluan mendesak yang bersifat kecemasan untuk menggunakan simpanan stok yang berjumlah 250,000 tan metrik.

"Stok dagangan sedia ada sebanyak 650,000 tan metrik

adalah mencukupi bagi menampung keperluan domestik," katanya.

Sementara itu, beliau turut menolak cadangan Ketua Pemuda Umno Dr Muhammad Akmal Saleh berhubung larangan penjualan beras putih tempatan kepada warga asing yang bekerja di negara ini.

"Tidak dibuat keputusan lagi sebab warga asing pun mereka perlu makan. Jangan lupa mereka bekerja, berkhidmat untuk membantukan negara kita," katanya.



“Sebelum ini, beras tempatan tidak dipedulikan sangat”
Mohamad

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA



'Tunjuk IC sebelum beli beras subsidi'

Antara cara boleh dipertimbang elak ketirisan barang kawalan

Oleh Sudirman Mohd Tahir, Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid, Aqil Sharullizam, Lydia Saiful, Suhaila Khairie dan Minda Ranggong
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Cadangan penggunaan kad pengenalan (Mykad) untuk membeli barangan bersubsidi seperti beras putih tempatan disifatkan antara kaedah penyelesaian sekali gus memastikannya diterima oleh mereka yang layak bagi mengelak berlaku ketirisan.

Ia susulan penularan video mendakwa pekerja warga asing menyimpan stok minyak masak paket di bawah kaunter untuk dijual kepada rakan senegara hingga menimbulkan kemarahan pengguna berikutan masalah bekalan terhad dan kerap kehabisan stok.

Dengan penggunaan kad pengenalan, ia menjadi lebih bersasar dan hanya warganegara dapat membeli barangan berkenaan.

Namun, kaedah yang dicadangkan itu menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan pemain industri termasuk badan bukan kerajaan (NGO) serta orang ramai.

Presiden Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga (MACFEA), Dr Ahmad Hariza Hashim berkata, kaedah itu boleh menjadi antara jalan penyelesaian selain perlu mencari alternatif yang lebih baik.

Menurutnya, secara umum barangan subsidi memang dikhususkan untuk rakyat Malaysia dan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membantu rakyat terutama golongan berpendapatan rendah kategori B40.

"Cadangan ini boleh memberi kesedaran kepada semua pihak yang mana barangan subsidi hanya untuk rakyat tempatan. Jadi, memang produk subsidi kena kawal betul-betul. Penjual pun kena sedar dan cakna

perkara ini.

"Kalau nak kena tunjuk kad pengenalan untuk beli barangan seperti beras tempatan, minyak masak paket, telur dan lain-lain, mungkin okay saja, tapi dari satu sudut lain, ia menyukarkan juga. Penjual pun tak boleh halang orang luar nak membeli, sebab barang murah orang mesti nak beli.

"Selain itu, dibimbangi juga kaedah ini

**“
Produk subsidi
kena kawal
betul-betul.
Penjual pun
kena sedar
Ahmad Hariza**

akan disalah guna atau dieksploitasi dengan cara mereka membeli dalam kuantiti yang banyak. Jadi, masih boleh berlaku ketirisan. Justeru, semua pihak berkaitan perlu duduk bersama mencari jalan dengan mewujudkan kaedah pelaksanaan yang lebih baik seperti sistem 'tracking'. Sebagai contoh, berapa banyak beras tempatan yang sampai dan terjual di sesebuah kedai," katanya.

Sementara itu, penganalisis ekonomi Putra Busi-

ness School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, kaedah yang dicadangkan itu antara usaha untuk memastikan subsidi sampai kepada mereka yang layak.

"Itu yang kerajaan mahu mulakan dengan subsidi petrol dan diesel menggunakan kad pengenalan dan e-dompet. Untuk subsidi bersasar petrol mudah serta pemantauan boleh dilakukan kerana hanya dilakukan di stesen minyak.

"Bagi makanan asas, ada banyak kedai runcit. Berkemungkinan akan ada pihak yang buat keputusan menyimpan barang kawalan dan digunakan untuk seludup ke luar negara atau dijual kepada golongan tak layak atau warga asing.

"Namun, tidak dinafikan dengan adanya kaedah sebegini, ia mampu mengawal pengeluaran barangan subsidi dengan menjualnya kepada golongan sasaran. Cuma pihak berkaitan perlu membuat pemantauan rapi dan bersikap telus. Jika tidak, dibimbangi barangan kawalan ini tiba-tiba tak ada di pasaran pula," katanya.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Golongan B40 terus dihipit kos hidup tinggi

Kuala Lumpur: Kesukaran mendapatkan beras putih tempatan selain kenaikan harga beras import dan minyak masak peket menyebabkan orang ramai terutama golongan B40 mengeluh akibat tertekan dengan kos sara hidup.

Pekerja kilang, Arkaming Ibrahim, 39, berkata, walaupun banyak pasar raya mengadakan harga promosi, tetapi orang ramai tetap terbeban kerana kebanyakan barangan keperluan harian lain mengalami kenaikan harga.

"Kalau jenis orang makan gaji tiada masalah, cuma macam saya yang B40 ini memang sangat terasa

apabila harga beras import naik, mahu atau tidak terpaksa beli jugalah sebab ia makanan ruji kita.

"Kita bukan hendak makan mewah pun, kadang beras 10 kilogram (kg) yang kita beli itu pun hanya tahan dua minggu untuk makan sekeluarga empat beranak.

"Kebiasaannya, saya beli beras Siam Super dan isteri beritahu beras ini asalnya keras dan apabila dibeli minggu lalu, ia agak lembik semasa dibasuh. Sebelum ini, kita basuh beras

tidak terlalu banyak kanji putih, tapi saya tengok minggu lepas sudah berbeza," katanya.

Sementara itu, pemandu van sekolah, Zaleha Awang Senek, 51, berkata beras putih import mempunyai kualiti dan rasa yang berbeza.

"Saya memang tidak menukar beras lain dan menggunakan beras import sebab sudah biasa disebabkan oleh kualiti dan rasa berasnya lain daripada yang lain.

"Apabila harga mening-

kat, kita memang tiada pilihan lain dan terpaksa beli juga," katanya.

Pesara, Abdul Razak Mohd Ali, 66, dari Kepong, di sini, berkata dia terpaksa pergi ke lebih daripada satu pasar raya untuk membeli beras, semalam.

"Ini sudah masuk pasar raya kedua yang saya pergi, saya lihat harga beras import agak tinggi dan saya terus bergerak ke tempat lain.

"Saya hendak cari beras tempatan pun sudah tidak banyak tempat yang ada, macam sekarang pun apabila sampai pasar raya akan termenung melihat harganya," katanya.

“
Mahu atau tidak
terpaksa beli
jugalah sebab ia
makanan ruji kita
Arkaming

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

'Apungkan harga kaedah terbaik'

Kuala Lumpur: Cadangan menunjukkan kad pengenalan sebagai kaedah untuk membeli barangan subsidi perlu diimplimentasikan sejak dari awal bukan ketika negara berdepan masalah kekurangan barangan berkenaan.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) Datuk Ameer Ali Mydin berkata, terdapat ramai pekerja asing termasuk bergaji tinggi di Malaysia apabila mereka juga membantu membangunkan ekonomi negara.

"Tidak elok kita sebagai satu negara praktis diskriminasi terhadap pekerja asing. Kalau nak bermula dengan kaedah seperti ini sekarang, memang susah. Sepatutnya buat dah lama.

"Subsidi di Malaysia bukan saja untuk beras tempatan, tapi juga tepung, ayam, telur termasuk petrol. Jadi, kalau diikuti rakyat tempatan saja layak untuk mendapatkan barangan ini," katanya.

Menurutnya, antara cadangan terbaik yang boleh dilaksanakan adalah membuat pengapungan barangan subsidi.

"Pada saya, cara lebih baik atasi ketirisan ini adalah pertama, apungkan harga untuk beras, telur, ayam dan apa saja barang kawalan atau makanan asas. Sebab, nanti bekalan

akan ada di pasaran.

"Lebih bagus ada barang daripada buat harga kawalan tapi tak ada barang. Sekurang-kurangnya kalau apung harga, bekalan cukup, tapi dalam masa sama akan mengakibatkan golongan B40 susah," katanya.

Katanya, kerajaan mempunyai mekanisme seperti sumbangan tunai Rahmah dan ia disifatkan cara terbaik berbanding subsidi.

Kakitangan awam, S Renuga, 27, berkata, warganegara perlu diberikan keutamaan untuk membeli barangan subsidi seperti minyak masak paket dan beras putih tempatan.

"Barangan bersubsidi sepatutnya diberikan kepada mereka yang memerlukan seperti golongan B40. Saya berpendapat penjualan barangan ini seharusnya lebih mengutamakan orang kita dahulu.

"Jika cadangan menggunakan kad pengenalan sebagai akses untuk rakyat tempatan mendapatkan bekalan bersubsidi dan memudahkan mereka, saya bersetuju. Ini lebih membantu," katanya.

Suri rumah dikenali sebagai Along, 32, berkata, cadangan yang baik wajar dilaksanakan jika perkara itu dapat membahut golongan sasar mendapatkan barangan subsidi dengan lebih mudah.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Usah benar warga asing beli beras tempatan

Kuala Lumpur: Badan bukan kerajaan (NGO) mencadangkan penjualan beras tempatan hanya dijual kepada rakyat tempatan sahaja dan bukannya kepada warga asing.

Presiden Pertubuhan Gagasan Inovasi Rakyat Malaysia (PGIRM) Azmi Mohd Tahir berkata, kaedah ini secara tidak langsung membolehkan beras tempatan dapat disalurkan dengan baik pada masa hadapan.

“Kerajaan dilihat seperti tidak cakna dan bersedia, sepatutnya dari tahun lepas lagi menyimpan stok makanan ruji rakyat Malaysia supaya perkara di luar jangka dapat diatasi andai terjadi.

“Sehubungan itu, pihak kami menggesa kerajaan

untuk lebih serius dalam menangani isu kekurangan beras tempatan secepat mungkin,” katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Kelmarin, Bahagian Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengambil beberapa langkah segera bagi mengatasi isu kekurangan beras putih tempatan.

Ketua Pengarahnya Datuk Azman Mahmood dilaporkan berkata, satu pertemuan bersama pengusaha restoran, penjaja kecil serta pihak berkaitan diadakan di Putrajaya, Jumaat lalu bagi membincangkan inisiatif segera bagi memastikan bekalan beras tidak terjejas di pasaran.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Stok beras sejuta tan, cukup 5 bulan

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhlisulaiman@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia mempunyai stok bekalan beras sebanyak 900,000 tan, cukup bagi menampung keperluan beras negara untuk tempoh empat hingga lima bulan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 250,000 tan metrik adalah stok penimbal manakala 650,000 tan metrik lagi adalah bagi stok dagangan semasa.

Justeru, katanya, belum ada keperluan mendesak yang bersifat kecemasan untuk menggunakan stok dagangan beras kerana stok dagangan sedia ada menampung keperluan domestik.

Dalam masa sama, katanya, kerajaan kini giat melaksanakan pengeluaran hasil padi negara supaya mencapai sasaran Kadar



MOHAMAD
SABU

Sara Diri (SSR) beras sebanyak 80 peratus menjelang 2030.

"Antara inisiatif dilakukan adalah pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang diperluas dengan menasaskan pelaksanaan program di kawasan seluas 150,000 hektar sawah padi dengan purata pengeluaran hasil sebanyak tujuh

tan bagi setiap hektar.

"Program ini dilaksanakan berdasarkan kepada empat model iaitu model SMART SBB Padi Putih, SMART SBB Padi Wangi, SMART SBB Asnaf dan SMART SBB Mini Sekinchan.

"Program ini tidak menggunakan sebarang peruntukan tambahan daripada kerajaan,

malah, syarikat peneraju akan menanggung kos pelaksanaan operasi sehingga RM3,200 per hektar," katanya semasa mengulung perbincangan usul Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi Kementerian itu di Dewan Rakyat semalam.

Mohamad berkata, beliau juga akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Kebajikan Petani India dalam masa terdekat bagi mencari penyelesaian terbaik dalam isu sekatan eksport.

"Selain itu, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) turut terbabit dalam perundingan bersama negara sumber beras yang lain seperti Vietnam, Thailand dan Kemboja," katanya.

Mengenai cadangan melarang warga asing daripada membeli beras tempatan, beliau berkata, Kementerian itu tidak bercadang melaksanakan perkara itu.

"Warga asing juga memerlukan beras sama seperti orang lain di negara ini. Jangan lupa, mereka

pun berkhidmat untuk keperluan negara kita," katanya.

Beliau menjawab soalan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) sama ada kerajaan akan melarang jualan beras putih tempatan dalam kalangan warga asing.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Dr. Muhamad Akmal Saleh turut mencadangkan supaya dihadkan penjualan beras tempatan kepada warga asing berikutan isu kekurangan bahan makanan ruji itu ketika ini.

Mohamad berkata, masalah kekurangan bekalan beras tempatan dalam pasaran hanya disebabkan pembelian panik oleh orang ramai apabila harga beras import naik secara mendadak.

"Sebelum ini, beras tempatan tidak dipedulikan sangat termasuk peniaga. Tetapi, apabila beras import naik, mereka mencari beras tempatan. Maka, beras tempatan menjadi permintaan utama yang menyebabkan ia berlaku sedikit kekurangan bekalan di pasaran," katanya.

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Stok beras cukup, tampung keperluan sehingga 5 bulan

KUALA LUMPUR – Bekalan beras negara sebanyak 900,000 tan ketika ini adalah mencukupi bagi menampung keperluan bagi tempoh empat hingga lima bulan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bekalan beras itu meliputi 250,000 tan stok penimbal dan 650,000 tan stok dagangan.

Susulan itu katanya, setakat ini masih belum ada keperluan mendesak untuk menggunakan stok penimbal beras kerana stok dagangan sedia ada mencukupi bagi menampung keperluan domestik.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kini giat melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi negara bagi mencapai sasaran Kadar Sara Diri (SSR) beras sebanyak 80 peratus menjelang 2030.

"Antara inisiatif yang dilakukan adalah pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang menyasarkan pelaksanaan di kawasan seluas 150,000 hektar sawah padi dengan purata pengeluaran hasil sebanyak tujuh tan per hektar," katanya ketika menggulung per-



KERAJAAN beri jaminan bekalan beras negara masih mencukupi untuk menampung keperluan bagi tempoh lima bulan. – GAMBAR HIASAN.

bahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menambah, program-program berkenaan dilaksanakan berdasarkan kepada empat model iaitu model SMART SBB Padi Putih, SMART SBB Padi

Wangi, SMART SBB Asnaf dan SMART SBB Mini Sekinchan.

"Ia tidak menggunakan sebarang peruntukan tambahan daripada kerajaan, malahan syarikat peneraju yang terbabit akan menanggung kos pelaksanaan operasi sehingga RM3,200 per hektar," katanya.

KERATAN AKHBAR : NEW STRAIT TIMES

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

EASING SHORTAGE

Mat Sabu: Talks with India soon on rice imports

KUALA LUMPUR: Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said in the Dewan Rakyat yesterday that the government will negotiate with New Delhi to allow Malaysia to import rice from India.

He said this would be one of the efforts to alleviate the white rice shortage in the country.

"As the agriculture and food security minister, I will meet India's agriculture and farmers' welfare minister soon to discuss the best solution to India's rice export restriction.

"Padiberas Nasional Bhd is also negotiating with other rice-producing countries, such as Thailand, Vietnam and Cambodia."

He said Malaysia's rice stockpile was sufficient to meet the country's needs for four to five months.

"The rice stockpile is at 900,000 tonnes, comprising 250,000 tonnes of the government stockpile and 650,000 tonnes of commercial stock.

"This is sufficient to cover the country's rice needs for four to



A harvesting machine in a paddy field near Butterworth, Penang, recently. A government scheme aims to increase padi yield to seven tonnes per hectare. PIC BY DANIAL SAAD

five months."

"So the ministry believes that there is no urgency to use the 250,000-tonne stockpile. The commercial stock of 650,000 tonnes is enough to cover domestic needs."

He said the ministry, apart from enforcement and engagement sessions with stakeholders, was working on initiatives to increase rice production to meet 80

per cent of the country's needs by 2030.

Among the initiatives is to expand the SMART Large-Scale Padi (SMART SBB) programme 150,000ha of padi fields.

The programme aims to increase padi yield to seven tonnes per hectare.

"This programme is implemented based on four models: SMART SBB Padi Putih, SMART

SBB Padi Wangi, SMART SBB Asnaf and SMART SBB Mini Sekinchan.

"The programme does not use additional funds from the government and the companies involved will bear the operational costs amounting up to RM3,200 per hectare."

He said this during the winding-up debate on the 12th Malaysia Plan midterm review.